



## **TEKS UCAPAN**

**YB DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE  
MENTERI PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN**

## **SEMPENA**

**MAJLIS PELANCARAN JUBLI EMAS 50 TAHUN  
PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)**

**30 MAC 2022 (RABU) | 10:00AM**

**IBU PEJABAT NAFAS, KOTA DAMANSARA**

Terima kasih Saudara Pengacara Majlis.

**RUJUK SALUTASI FINAL DI LAPANGAN**

Salam Sejahtera

Salam Keluarga Malaysia

dan Salam Keluarga Peladang

**YANG BERHORMAT DATUK SERI HAJI AHMAD BIN HAMZAH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan I

**YANG BERHORMAT DATUK DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI BIN HAJI SALLEH**

Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Makanan II

**YANG BERBAHAGIA DATO' HAJI ZAMRI BIN YAAKOB**

Pengerusi Jemaah Pengarah

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

**YANG BERHORMAT DATO' HAJI CHE ABDULLAH BIN MAT NAWI**

Pengerusi Lembaga Pertubuhan Peladang (LPP)

**YANG BERUSAHA TUAN HAJI ABU SUJAK BIN SAHUJI**

Pengurus Besar

Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)

Pengerusi-Pengerusi Dan Ketua-Ketua Pengarah Jabatan Dan Agensi MAFI

Para hadirin – Tuan-Tuan dan Puan-Puan serta Rakan Media Yang Dihormati Sekalian.

1. Pertamanya, saya zahirkan ucapan terima kasih kepada NAFAS kerana sudi menjemput saya untuk bersama-sama meraikan dan menyempurnakan **Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS)** pada pagi ini.
2. **Terima kasih** jua kepada semua yang hadir kerana dapat kita bersama-sama berkumpul dan menjayakan majlis ini.
3. Di kesempatan ini, saya rakamkan ucapan setinggi-tinggi tahniah dan **penghargaan kepada semua warga kerja NAFAS** sedari penubuhannya hingga kini atas segala jasa dan khidmat bakti sama ada dari segi penyampaian perkhidmatan mahupun pelaksanaan program dan aktiviti-aktiviti serta pencapaian kejayaan yang telah direkodkan sepanjang tempoh 50 Tahun ini.

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

4. **Penubuhan NAFAS yang meniti usia 50 tahun dilihat sebagai sebahagian daripada sejarah penting kepada industri pertanian negara** apabila menjadi titik tolak kepada usaha peningkatan taraf hidup dan kedudukan sosioekonomi hampir 1 juta ahli Peladang.
5. **Sesungguhnya, NAFAS merupakan sebuah entiti Pertubuhan Peladang yang sangat komited memperjuangkan kemajuan sosial dan ekonomi golongan petani sejak penubuhannya pada 31 Mac 1972.**
6. Terbaru, Seperti yang dimaklumkan oleh Pengerusi NAFAS sebentar tadi iaitu “hasil keuntungan NAFAS akhirnya dikembalikan kepada ahli Peladang” membuktikan **NAFAS tidak pernah alpa dalam menjaga kebajikan ahli-ahlinya yang terdiri daripada 279 Pertubuhan Peladang Kawasan – 14 Pertubuhan Peladang Negeri dan NAFAS berperanan sebagai induknya.**
7. Walaupun berdepan pelbagai cabaran, tempoh 50 tahun yang dilalui NAFAS telah memperlihatkan **betapa usaha keras dalam memastikan kebajikan serta menjaga kesejahteraan ahlinya, sekali gus terus mengembangkan dan memajukan sektor pertanian negara secara keseluruhannya.**
8. Maka sudah pasti, **kejayaan NAFAS berkait rapat dan telah banyak membantu menaikkan taraf hidup dan sumber ekonomi Keluarga Peladang** dari semasa ke semasa menerusi pelbagai program dan inisiatif dalam memastikan Pertubuhan Peladang sebagai badan perniagaan milik peladang yang bertanggungjawab menyatu dan menggembelng sumber semua ahli bagi mencapai matlamat serampang dua mata. Iaitu mendapatkan perkhidmatan dalam aktiviti pengeluaran hasil pertanian serta keuntungan daripada perniagaan yang berkait langsung dengan ahli peladang.
9. Melalui pendekatan ini, rangkaian Pertubuhan Peladang di seluruh negara yang bergabung di bawah NAFAS **telah berjaya merealisasikan hasrat kerajaan membawa transformasi pertanian supaya menjadi sektor yang moden dan dinamik.**
10. Saya yakin, dengan sokongan dan komitmen berterusan warga Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bersama NAFAS dan pemain-pemain industri, kita akan dapat terus **memartabatkan sektor agromakanan, selari semangat KELUARGA MALAYSIA.**
11. Pelbagai pembaharuan dan transformasi yang telah kita laksanakan bagi terus memperkasakan NAFAS dan Pertubuhan Peladang di setiap peringkat. Ini termasuk **pindaan Peraturan-Peraturan Pertubuhan Peladang 2021 yang telah mengembalikan semula hak memilih Ahli Jemaah Pengarah kepada ahli peladang sendiri.**

**Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

12. **Sektor agromakanan berdepan dengan pelbagai risiko dan cabaran di peringkat global dan domestik seperti pertambahan populasi, produktiviti dan inovasi pertanian, kos input pertanian, sumber tanah dan air yang terhad, perubahan iklim dan ancaman bencana alam, kekurangan penglibatan belia dan tahap adaptasi teknologi dan mekanisasi yang rendah.**
13. **Melangkah ke hadapan, cabaran-cabaran ini perlu ditangani secara bersama supaya sistem makanan negara lebih berdaya tahan dan mampan, terutama sebagai persediaan menangani apa jua krisis semasa atau yang mungkin berlaku pada masa akan datang.**
14. **Dalam konteks ini, NAFAS sebagai sebuah entiti yang rapat dengan warga peladang tentu sekali dapat memainkan peranan seiring dengan hasrat Kerajaan dalam mendokong aspirasi sekuriti makanan negara sekaligus memperkukuhkan sektor agromakanan secara keseluruhannya.**
15. **Ini termasuk antaranya dengan menambah lagi usaha-usaha untuk meningkatkan pengeluaran domestik melalui pemodenan dan pertanian pintar, meningkatkan penerimgunaan teknologi moden dan IR4.0, mengalakkan amalan pertanian alternatif dan baja organik, mempromosi amalan pertanian baik dan pendekatan kaedah pengurusan perosak secara bersepadu (IPM), menyokong pembangunan industri jagung bijian untuk mengurangkan kos input makanan ternakan dan menjamin kelangsungan bekalan ayam.**
16. **Strategi dan inisiatif-inisiatif ini juga antara tumpuan dan fokus MAFI dalam meningkatkan bekalan makanan negara seperti yang digariskan dalam Dasar Agromakanan Negara 2021-2030 (DAN 2.0) dan Pelan Tindakan Dasar Sekuriti Makanan Negara 2021-2025 dalam usaha mengurangkan kebergantungan kepada keperluan import sekaligus untuk meningkatkan kualiti dan jaminan sekuriti makanan.**
17. **Seiring dengan sasaran meningkatkan pengeluaran dan bekalan makanan serta meletakkan sektor pertanian sebagai antara penyumbang penting ekonomi negara, pelbagai program dan pendekatan baharu juga telah akan terus dirangka oleh MAFI merentasi semua subsektor agromakanan.**
18. **Dalam hal ini, MAFI turut menyambut baik tekad NAFAS yang pertama iaitu dalam Pembangunan Industri Padi & Beras.**
19. **MAFI menyokong penuh idea NAFAS bagi Pembangunan Pengeluaran dan pengkomersialan Benih Padi Hibrid NAFAS yang dilaksanakan bersama-sama agensi Kerajaan berkaitan serta syarikat rakan kongsi bagi manfaat para pesawah seluruh negara yang dijangka bermula pada musim pertama 2023.**
20. **Malah, NAFAS juga telah menjadi salah satu syarikat peneraju bagi Program SMART SBB. Sokongan NAFAS bersama-sama rangkaian Pertubuhan Peladang – PPN dan PPK sangatlah dihargai dalam merealisasikan hasrat Kerajaan bagi menjamin bekalan makanan negara.**

21. Program SMART SBB merupakan hala tuju baharu industri padi dan beras negara yang sedang dilaksanakan oleh MAFI bagi **meningkatkan produktiviti dalam mencapai SSL beras yang ditetapkan dalam tempoh Rancangan Malaysia Kedua Belas (RMKe-12) iaitu sebanyak 75 peratus** serta mewujudkan **pengurusan sawah secara cekap dan sistematik untuk penggunaan sumber secara optimum.**
22. Dengan penglibatan semua pihak, khususnya pihak swasta, ia dilihat mampu memberikan nafas dan semangat baru kepada industri padi dan beras negara melalui pendekatan baru ini dengan **memanfaatkan sumber modal pembiayaan swasta semaksimum mungkin sekaligus akan mengurangkan tanggungan kewangan Kerajaan dalam jangka masa panjang.**
23. MAFI turut **mengalu-alukan idea dan pandangan semua pihak termasuk warga peladang** untuk terus menambah baik pendekatan-pendekatan yang kita rangka dan laksanakan demi kebaikan sektor agromakanan secara amnya
24. MAFI dan NAFAS berpisah tiada – kita akan terus berganding bahu atas semangat Keluarga Peladang. MAFI akan terus memberi sokongan penuh kepada apa jua rancangan NAFAS bagi **memperkasakan Pertubuhan Peladang menjadi sebuah entiti yang kompeten dan berdaya maju dalam industri agromakanan negara.**

#### **Tuan-Tuan Dan Puan-Puan Yang Dihormati Sekalian,**

25. **Sesungguhnya, Kerajaan tidak pernah meminggirkan warga peladang yang sangat penting** dalam memastikan kelangsungan bekalan makanan negara.
26. Bagi tahun ini sahaja, Kerajaan telah memperuntukkan **sebanyak 4.82 bilion ringgit kepada MAFI dalam Bajet 2022.** Secara khususnya, MAFI diperuntukkan **1.7 bilion ringgit bagi pemberian subsidi dan insentif bagi industri pertanian serta perikanan untuk tahun ini.**
27. Semua **jabatan dan agensi di bawah MAFI** mesti terus **memainkan peranan dengan baik dan berkesan** bagi memastikan **segala dasar, pelan dan peruntukan** yang disalurkan dapat dilaksanakan **dengan jayanya.**
28. Saya juga menyeru seluruh warga Peladang agar kita **bersama-sama sebagai sebuah pasukan** untuk memberikan khidmat yang terbaik demi kelangsungan prestasi sektor agromakanan negara.
29. Justeru, sempena sambutan **Majlis Pelancaran Jubli Emas 50 Tahun NAFAS** ini, saya berharap ia dapat menyuntik lagi semangat warga NAFAS untuk terus memberikan sepenuh perhatian dan tenaga terhadap pembangunan peladang dan sektor agromakanan negara.
30. Saya yakin dan percaya, perancangan masa depan NAFAS berada di landasan yang tepat melalui **iltizam serta misi dan visi yang jelas sebagai fokus dalam 10 tahun ini menjelang 2030** seperti yang dimaklumkan oleh Yang Berbahagia Datuk Zamri - Pengerusi NAFAS sebentar tadi iaitu: antaranya dalam **Pembangunan Industri Padi & Beras, Sumber Kekayaan Baharu serta Jaminan Pendapatan demi kemakmuran Keluarga Peladang.**

31. Saya menyambut baik perancangan NAFAS untuk terus **melangkah ke hadapan dengan lebih dinamik menerokai sektor perniagaan yang lebih luas termasuk meluaskan perniagaan ke pasaran antarabangsa.**
32. Apa yang jelas, **perancangan masa depan NAFAS amat penting dan perlu dibuat secara teliti bagi menentukan kesinambungan kegiatan dan pengukuhan pergerakan Pertubuhan Peladang** di setiap peringkat. Semua ini perlu dilakukan dalam usaha meningkatkan taraf sosioekonomi ke arah mewujudkan masyarakat peladang yang mampu berdikari, makmur dan progresif.
33. Menjadi harapan saya agar matlamat, misi dan visi NAFAS terus diperkasa dan mendapat **sokongan semua pihak selari dengan matlamat Kerajaan dalam menjamin sekuriti bekalan makanan negara sepanjang masa sekaligus membela golongan peladang, petani, penternak dan nelayan.**
34. Dengan kata-kata itu, saya sekali lagi ingin mengucapkan Syabas dan Tahniah kepada NAFAS kerana telah berdiri teguh memayungi rangkaian Pertubuhan Peladang selama 50 tahun.
35. **SAYA DENGAN SUKACITANYA, MERASMIKAN PELANCARAN JUBLI EMAS 50 TAHUN PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS).**

Sekian, Terima kasih.